



08 MAY, 2025

## Uniten, GMT bangunkan Makmal Geoteknologi di Bangi



Kosmo, Malaysia

# Uniten, GMT bangunkan Makmal Geoteknologi di Bangi

**BANGI** – Universiti Tenaga Nasional (Uniten) menerusi Institut Infrastruktur Tenaga (IEI) dan Unite R&D Sdn. Bhd. (URND) memeterai perkongsian strategik dengan Geomapping Technology Sdn. Bhd. (GMT) untuk mewujudkan Makmal Geoteknologi yang bakal beroperasi di National Energy Centre di sini.

Naib Canselor Uniten, Prof. Dr. Khairul Salleh Mohamed Sahari berkata, perkongsian berkenaan membuka peluang untuk meluaskan skop penyelidikan, menyediakan khidmat perundingan berdaya saing dan berpotensi menjana pendapatan

menerusi khidmat makmal ujian serta analisis bagi pihak industri.

Jelasnya, ia juga selari dengan aspirasi universiti untuk memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) bagi mengekalkan pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) yang dianugerahkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada Disember 2023.

"Kami peroleh geran RM5 juta untuk tiga tahun pertama dan salah satu KPI adalah untuk menyediakan perkhidmatan kepada industri di luar sana.

"Jadi untuk tahun pertama, pencapaian kami telah melebihi

KPI yang ditetapkan.

"Dari segi pulangan pelaburan, kami menyasarkan makmal ini mampu pulang modal dan mula beroperasi secara kendiri selepas tahun kedua operasi," katanya kepada pemberita selepas majlis pemeretaian kerjasama semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud

Menurut Khairul Salleh, buat masa ini 70 peratus hasil Uniten adalah daripada yuran pengajian, baki 30 peratus daripada sumber lain termasuk usaha penyelidikan serta endowmen.



KHAIRUL (empat dari kiri) dan Mustapha (empat dari kanan) pada majlis pemeretaian kerjasama semalam.